



جِئَانَتْ خَالَ الْجَوَالِ كَامِ السَّلَامِ كِتَابَةً

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

08 SAFAR 1442H/ 25 SEPTEMBER 2020

LESTARI PERPADUAN DALAM KEPELBAGAIAN

Disediakan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada khatib:

- **Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah** menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang **tidak disediakan atau diluluskan oleh Majlis** dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman **denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali**.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya cukup dan sempurna segala rukun, baris dan disampaikan dengan lancar.
- Hanya khatib yang dilantik oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) sahaja yang dibenarkan menyampaikan Khutbah Jumaat.
- Khutbah hendaklah disampaikan berdasarkan tarikh yang telah dicetak pada khutbah
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun-rukun dan kesilapan ejaan dan sebagainya.
- Sepanjang tempoh PKP, khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit
-
- Sebaik-baiknya khutbah ini hendaklah dibaca oleh **Imam Qariah** atau **Imam Rawatib** yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

وَكَيْفَ تَكْفُرُونَ وَأَنْتُمْ تُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ آيَاتُ اللَّهِ وَفِيكُمْ رَسُولُهُ، وَمَنْ يَعْتَصِمْ
بِاللَّهِ فَقَدْ هُدِيَ إِلَىٰ صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ﴿١٠١﴾

(Surah ali-Imran, Ayat 101)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ، اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ .
أَمَّا بَعْدُ ، يَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ .

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Pada hari Jumaat yang diberkati ini, saya berpesan kepada diri saya dan sidang jemaah sekalian, marilah kita sama-sama bertakwa kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menikmati kesejahteraan dan keberkatan hidup serta berbahagia di dunia dan di akhirat.

SAUDARA HADIRIN JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,

Islam satu sistem hidup yang bersifat rabbani dan menganjurkan kepada manusia agar sentiasa berlaku adil dalam setiap tindakan yang diambil. Islam menyeru agar meletakkan sesuatu pada sewajarnya, memberikan hak kepada yang berhak menerimanya serta menghukum manusia yang bersalah dengan hukuman setimpal tanpa membezakan antara manusia. Wujudnya masyarakat majmuk di negeri dan negara kita ini tentulah mempunyai banyak hikmah. Selain memberi peluang untuk saling mengenali di antara satu sama lain, ia juga memberi ruang kepada kita untuk memahami pelbagai keunikan dan keistimewaan yang menjadi amalan setiap suku kaum dan keturunan. Allah SWT berfirman menerusi surah al Hujurat ayat 13 :

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْفُسُكُمْ إِنَّ اللَّهَ
عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Yang bermaksud: *“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu Dengan Yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang Yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan Yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).”*

JAMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI,

Kita baharu sahaja menyambut hari Malaysia, maka sewajarnya kita terus berusaha untuk mempertahankan kemerdekaan negeri dan Negara ini dengan sepenuh hati. Untuk menjalani kehidupan yang berjaya, kita perlu menerima fakta kehidupan hidup dalam suasana penuh dengan kerencaman dan kepelbagaian. Alangkah baiknya jika kita dapat terus memperkukuhkan perpaduan, meskipun hidup dengan berbilang bangsa, budaya, adat mahupun kepercayaan beragama. Sejak mulanya tamadun Islam, orang Islam telah hidup sebagai anggota masyarakat majmuk. Tekunilah dan pelajarilah tinta sejarah yang pernah dijalani oleh baginda Rasulullah SAW. Termeterainya piagam atau perlembagaan Madinah merupakan manifestasi keharmonian hidup bermasyarakat yang pelbagai. Dalam sebuah hadith yang panjang, ketika khutbah wada', Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud : *“Wahai manusia! Ingatlah bahawa Tuhan kamu adalah satu dan ingatlah tidak ada kelebihan bagi orang Arab ke atas orang Ajam dan tidak ada kelebihan orang Ajam ke atas orang Arab dan tidak ada kelebihan orang berkulit hitam ke atas orang berkulit merah kecuali orang yang bertaqwa “ (HR.Ahmad).*

JAMAAH JUMAAT YANG DIHORMATI,

Islam memberikan penekanan kepada kedamaian hidup individu, baik daripada aspek fizikal dan mental seseorang, Islam juga menggalakkan keharmonian masyarakat dan keamanan bersama agar semua manusia dapat menjalani kehidupan dengan sentosa dan harmoni. Kita seharusnya mencari titik persamaan, agar negeri dan Negara kita Malaysia menjadi sebuah Negara contoh yang menjunjung erti '**Kesatuan Dan Perpaduan**' dalam kalangan rakyatnya. Kita perlu berfikir dan bertindak ke arah mencapai satu matlamat iaitu menuju ke arah kebaikan, kemajuan dan pembangunan seimbang yang menghasilkan "**Baldatun Tayyibatun Wa Rabbun Ghafur**" iaitu negara yang baik dan diampuni Tuhan. Marilah kita hilangkan sifat taksub atau rasis perkauman dan ekstrim agama yang membawa permusuhan antara kita, kerana permusuhan itu adalah tuntutan nafsu. Sekiranya wujud perbezaan pendapat sesama kita, maka raikanlah perbezaan tersebut dengan hati yang terbuka. Perbezaan pendapat atau pandangan yang dilihat dari sudut positif, ia boleh membawa rahmah dan kebaikan. Sebaliknya jika ia dilihat sebagai pemisah, maka ia boleh menjurus kepada perpecahan dan permusuhan di antara kita. Seperti firman Allah SWT menerusi surah ali-Imran, ayat 101 :

وَكَيْفَ تَكْفُرُونَ وَأَنْتُمْ تُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ آيَاتُ اللَّهِ وَفِيكُمْ رَسُولُهُ ۗ وَمَنْ يَعْتَصِم
بِاللَّهِ فَقَدْ هُدِيَ إِلَىٰ صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ﴿١٠١﴾

Yang bermaksud: “Dan bagaimana kamu akan menjadi kafir padahal kepada kamu dibacakan ayat-ayat Allah (Al-Quran), dan dalam kalangan kamu ada RasulNya (Muhammad, s.a.w)? Dan sesiapa berpegang teguh kepada (agama) Allah, maka sesungguhnya ia telah beroleh petunjuk hidayah ke jalan yang betul (lurus).

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَتَعَنِّي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.